


Penduduk kampung tahan suami isteri

BERITA HARIAN 26/3/17 m/s 64

 Berbaring di tepi jalan pura-pura minta tolong tetapi menyamun



V Shivamanthan

Oleh Poliana Ronnie Sidom
poliana@bh.com.my

Beluran

Tindakan sepasang suami isteri berbaring di tepi jalan raya dan berpura-pura meminta tolong untuk menyamun, berakhir apabila mereka ditahan penduduk kampung dalam kejadian di Kampung Bauto, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 pagi itu, mangsa berusia 30-an, yang dalam perjalanan dari Kota Kinabalu ke Sandakan dikatakan melihat tiga

suspek termasuk pasangan berkenaan berbaring di tepi jalan raya.

Rampas jam mangsa

Mangsa dikatakan membuka cermin kereta untuk melihat apa yang berlaku, sebelum seorang daripada suspek lelaki menarik tangan mangsa dan merampas jam tangan dipakainya.

Mangsa kemudian keluar dari kereta dan diterpa suspek yang cuba memukulnya, bagaimanapun berjaya ditahan penduduk kampung yang kebetulan lalu di kawasan itu.

Ketua Polis Daerah Beluran, Su-

perintendan V Shivamanthan, berkata dua lagi suspek membabitkan seorang lelaki dan wanita cuba melarikan diri, namun suspek wanita berkenaan berjaya ditahan penduduk dan dibawa ke Balai Polis Telupid.

"Siasatan awal mendapati, ketika kejadian keadaan jalan masih gelap, berkabus dan tiada lampu jalan di kawasan itu.

"Dua suspek yang ditahan berusia antara 30 hingga 50 tahun adalah pasangan suami isteri dari Filipina serta tiada dokumen pengenalan diri," katanya.